



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 7 JUN 2021

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PERKETAT KEMASUKAN LEMBU DARI LUAR CEGAH LSD, KATA KEMENTERIAN, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE MAQIS PERKETAT PINTU SEMPADAN ELAK PENYAKIT KULIT KENTAL MENULAR, NASIONAL, SH -34	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4. 5. 6. 7.	JPV DIMINTA AWASI LADANG TERNAKAN, NASIONAL, BH -24 LEMBU DIJANGKITI LSD AKAN DIMUSNAHKAN, MUKA UTAMA, BH -1 MAFI PERKETAT KEMASUKAN LEMBU DARI NEGARA LUAR, UTUSAN BORNEO -ONLINE ANYONE WHO FOUND LSD ILLNESS URGED TO LODGE REPORT IMMEDIATELY, NEWS, SIN CHEW DAILY (MELAKA) -3 LUMPY SKIN DISEASE ONLY DETECTED IN SELANGOR AND PERAK, SUPPLEMENT, GUANG MING DAILY -KB4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
8.	HYPERMARKET ENDS BABY SHARK SALE, NEWS/NATION, NST -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	PETANI PERAK 'PENING' DAKWA SAYUR TAK TERJUAL, HM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11.	PESAWAH KECEWA PADI TIADA ISI, HM -ONLINE PESAWAH RUGI PADI DISERANG ULAT BATANG, NASIONAL, BH -35	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
12. 13. 14. 15.	HANYA PEKERJA DENGAN SURAT PENGESAHAN KEMENTERIAN, AGENSI DIBENAR LEPASI SJR MULAI SELASA, ASTRO AWANI -ONLINE GURU BANTU PPKI MANTAPKAN KEMAHIRAN DIRI, PENDIDIKAN, BH -46 COPING WITH THE PANDEMIC, NATION, THE STAR -3 BEATING THE HEAT, MUKA DEPAN THE STAR -1	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

Perketat kemasukan lembu dari negara luar cegah LSD, kata kementerian



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Ahmad Hamzah, berkata sekiranya terdapat ternakan lembu yang disahkan positif LSD, haiwan itu akan dimusnahkan dan kandang atau ladang terjangkit akan diletak bawah pengawasan rapi Jabatan Perkhidmatan Veterinar. (Gambar Bernama)

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) memperketat kawalan dan kemasukan lembu di pintu sempadan negara bagi mencegah penularan penyakit kulit kental/berbonjol (LSD).

Timbalan Menteri Ahmad Hamzah, berkata ini berikutan penyakit tersebut dikesan berlaku di beberapa kawasan di Asia termasuk negara jiran Thailand selain dua lokasi baharu di negara ini iaitu di Perak dan Selangor.

“Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di setiap negeri juga diarahkan supaya sentiasa mengadakan pengawasan dan pemantauan rapi serta diminta melaporkan segera kepada kementerian jika terdapat jangkitan.

“Ladang yang terlibat dengan penyakit ini, kita telah minta mereka asingkan lembu-lembu itu kerana penyakit LSD ini hanya berjangkit sesama ternakan melalui kontak rapat haiwan itu serta tidak merebak mahupun membahayakan manusia,” katanya kepada pemberita di Ayer Keroh.

Terdahulu, Ahmad hadir menyampaikan bekalan buah-buahan dan bantuan selimut menerusi Program MAFI Prihatan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MiTC), hari ini.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata sekiranya terdapat ternakan lembu yang disahkan positif LSD, haiwan itu akan dimusnahkan dan kandang atau ladang terjangkit akan diletak bawah pengawasan rapi JPV.

“Tiada ternakan dibenarkan keluar atau dijual sehingga memperoleh pengesahan dan kebenaran jabatan veterinar.

“Mana-mana pihak termasuk penternak dan peraih ternakan yang didapati melanggar arahan itu boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013),” katanya.

Maqis perketat pintu sempadan elak penyakit kulit kental menular

MELAKA - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) memperketatkan kawalan di pintu masuk sempadan bagi mengelakkan kemasukan lembu dari luar negara bagi mencegah penularan penyakit kulit kental atau Lumpy Skin Disease (LSD) yang menjangkiti haiwan ternakan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, langkah awal itu bagi membendung penyakit berkenaan yang kini dikesan di dua negeri iaitu Perak dan Selangor.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) juga diarahkan kerap melaksanakan pengawasan dan pemantauan rapi selain melaporkan segera kepada Kementerian jika terdapat jangkitan di mana-mana negeri.

“Penyakit ini kini telah merebak di seluruh Asia terutama India, Bangladesh, China, Nepal serta beberapa negara lain.

“Lembu yang dibawa masuk dari luar negara mesti disaring dan dikuarantin terlebih dahulu bagi



Ahmad (dua dari kanan) melihat sebahagian barangan dan buah-buahan di bawah Program MAFI Prihatin di PKRC di MITC di Ayer Keroh pada Ahad.

memastikan ternakan itu bebas daripada sebarang penyakit. Ladang ternakan yang dikesan terdapat penyakit LSD diminta mengasingkan haiwan ternakan mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan buah-buahan dan bantuan selimut di bawah Program MAFI Prihatin di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MiTC) di Ayer Keroh di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) Malaysia, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.

Mengulas lanjut, beliau yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, kementerianya turut menyarankan semua penternak lembu di negara ini mengguna pakai kaedah pengasapan di ladang ternakan bagi mengelak jangkitan LSD daripada terus merebak.

“Pemilik ladang perlu menitikberatkan sistem penjagaan rapi dengan mengutamakan kebersihan di kawasan ladang dengan pemantauan berterusan JPV,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	24

JPV diminta awasi ladang ternakan

Dari Muka 1

Ia adalah sumbangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Pejabat Parlimen Jasin menerusi Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Prihatin.

Baru-baru ini, sebanyak 89 lembu di Perak dikesan dijangkiti LSD sebelum merebak ke Selangor menjangkiti lima lembu. Susulan itu, JPV mengambil langkah memeriksa 81,252 lembu di 9,108 ladang ternakan di seluruh negara bagi mengesan serta mencegah wabak itu daripada menular.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin meminta JPV sentiasa mengawasi semua ladang ternakan lembu di seluruh negara bagi memastikan lokasi itu bebas daripada sebarang jangkitan.

Pada masa sama, katanya, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) juga akan melakukan ujian saringan di pintu sempadan terhadap semua lembu hidup diimport bagi memastikan haiwan itu benar-benar tidak berpenyakit sebelum dibenarkan dibawa masuk.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	BERITA HARIAN	MUKA DEPAN	1

Lembu dijangkiti LSD akan dimusnahkan

Ayer Keroh: Lembu yang disahkan positif penyakit kulit kental atau berbonjol (LSD) akan dimusnahkan segera bagi mengelakkan penularan virus berkenaan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah, berkata kandang atau ladang

yang mempunyai ternakan dijangkiti virus itu pula akan diletakkan di bawah pengawasan rapi Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sepanjang masa.

Katanya, langkah terbabit untuk memastikan tiada ternakan dibawa keluar atau dijual sehingga memperoleh pengesahan

serta kebenaran daripada JPV.

“Mana-mana pihak, termasuk penternak dan peraih ternakan yang melanggar syarat serta arahan ini akan dikenakan tindakan mengikut Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM15,000,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bekalan buah-buahan dan selimut kepada penghuni Pusat Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di sini semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI perketat kemasukan lembu dari negara luar



BANTU: Hamzah (tengah) menyampaikan bekalan buah-buahan dan bantuan selimut menerusi Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Melaka semalam. — Gambar Bernama

MELAKA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) memperketat kawalan

dan kemasukan lembu di pintu sempadan negara bagi mencegah penularan penyakit kulit kental/berbonjol (LSD).

Timbalan Menteri Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ini berikutan penyakit tersebut dikesan berlaku di beberapa kawasan di Asia termasuk negara jiran Thailand selain dua lokasi baharu di negara ini iaitu di Perak dan Selangor.

“Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di setiap negeri juga diarahkan supaya sentiasa mengadakan pengawasan dan pemantauan rapi serta diminta melaporkan segera kepada kementerian jika terdapat jangkitan.

“Ladang yang terlibat dengan penyakit ini, kita telah minta mereka asingkan lembu-lembu itu kerana penyakit LSD ini hanya berjangkit sesama ternakan melalui kontak rapat haiwan itu serta tidak merebak mahupun membahayakan manusia,” katanya kepada pemberita di Ayer Keroh di sini kelmarin.

Terdahulu, Ahmad hadir menyampaikan bekalan buah-buahan dan bantuan selimut menerusi Program MAFI Prihatin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini semalam.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, sekiranya terdapat ternakan lembu yang disahkan positif LSD, haiwan itu akan dimusnahkan dan kandang atau ladang terjangkit akan diletak di bawah pengawasan rapi JPV.

“Tiada ternakan dibenarkan keluar atau dijual sehingga memperoleh pengesahan dan kebenaran jabatan veterinar.

“Mana-mana pihak termasuk penternak dan peraih ternakan yang didapati melanggar arahan itu boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013),” katanya. — Bernama

Headline	Anyone who found LSD illness urged to lodge report immediately		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Melaka)		
Date	07 Jun 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	70,157
Page No	3	Readership	210,471
Language	Chinese	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,018



阿末韓查：指示獸醫局監督 發現牛結節疹速投報



（馬六甲6日訊）农业及食品工业部副部长拿督斯里阿末韩查表示，目前国内发现牛结節疹疾病（Lumpy Skin Disease, LSD）的地方仅在雪州及霹靂，该部已经指示兽医局监督，一旦发现任何养牛场有该疾病即刻投报。

促检疫局管控进口牛只

“我国首宗病例是雪州于6月2日时发现，一共有5头牛只患病，我们也要求大马检疫及检验局，管控进口牛只，做好防范措施。”

他今早前往马六甲国际贸易中心冠病低风险

隔离与治疗中心，移交联邦农业销售局（FAMA）1500盒水果给前线人员及野新国会500袋被单给该中心时这样表示。出席者包括甲州副议长拿督威拉卡查里。

他说，涉及的牛只已经被隔离，该疾病是透过蚊虫传染，并不会传染给人类，然而若牛只在隔离期间出现病症，将延长隔离期，确保该疾病不会扩散。

他指出，在亚洲多国及地区，包括印度、中国、香港等，皆爆发该疾病，因此我国严正看待，他也呼吁农场业者照顾好环境卫生。

阿末韩查也说，我国目前30%牛肉靠进口，政府正在加强国内自给自足，避免依赖进口。

阿末韩查（前排右四）移交1500盒水果给马六甲国际贸易中心冠病低风险隔离与治疗中心前线人员，前排右三为卡查里。

Headline	Lumpy skin disease only detected in Selangor and Perak		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	07 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	49,712
Page No	KB4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	133 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,015
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,045



僅雪霹發現牛結節疹 副農長：獸醫局已監督

(马六甲6日讯)农业及食物工业部副部长拿督斯里阿末韩查指出，目前我国发现牛结节疹疾病(lumpy skin disease, LSD)的地方仅在雪兰莪州和霹雳州，该部已指示兽医局进行监督，一旦发现任何牛场出现此疾病，必须立即投报。

“我国出现首宗病例是6月2日在霹州发现，一共有5头牛只患病，我们也要求大马检疫及检验局，管控好进口牛只，做好防范措施，而涉及的牛只已被隔离。”

他表示，该疾病是透过蚊虫传染，并不会传染给人类，不过如果牛只在隔离期

间出现病症，则将延长隔离期，确保疾病不会扩散。

他指出，在亚洲多国及地区，包括印度、中国、香港等，皆爆发该疾病，因此我国必须严正看待，他也呼吁农场主人照顾好环境卫生。

霹5头牛只患此病

阿末韩查是今早前往马六甲国际贸易中心冠病低风险隔离与治疗中心，移交联邦农业销售局(FAMA)1500盆水果给前线人员，及野

新国会500套被单给该中心时，这样表示。

阿末韩查也指出，我国目前30%牛肉是靠进口供应，政府也正在加强国内自给自足，避免依赖进口。

另一方面，他说，今日移交的水果包括西瓜、黄梨、香蕉等，让该中心前线人员补充维他命，也感谢他们的付出，野新国会选区也捐献500套被单。

出席者包括甲州副议长拿督威拉卡查里。(BPK)

ENDANGERED SPECIES

HYPERMART ENDS BABY SHARK SALE

Pictures on social media lead to outcry from scuba divers and activists

OLIVIA MIWIL
KOTA KINABALU
news@nst.com.my

A HYPERMARKET has pledged not to sell hammerhead shark after an outcry from scuba divers and activists.

Pictures of the premises selling the endangered species were shared on social media, prompting the hypermarket to apologise

and pledging not to sell the fish any more.

Monica Chin, co-founder of environmental advocacy group Blu Hope, said scuba divers wanted to see sharks swimming in the sea.

A study by the Australian Institute of Marine Science in 2018 said the shark-diving sector in Semporna was worth US\$6.4 million per year in tourism revenue and was linked to 796 jobs paying



A box of sharks, including a hammerhead shark, sold at a hypermarket in Kota Kinabalu recently. PIC COURTESY OF A READER

out US\$2.8 million per year in salaries.

"Many are willing to pay more to come to Sabah just to dive and see the sharks. However, in Sabah, we keep on counting dead sharks in markets.

"When I was tagged by the Facebook group of divers, I felt very upset to see dead baby hammerhead sharks being sold," she said, adding that she was glad that the hypermarket had heeded

advice to take the species off its shelves.

Chin, a diver, said with the hypermarket banning the sale of sharks, she hoped other players would follow suit.

She said shark meat was bad for health, especially for women, as it had high levels of mercury.

"Like I always tell my dive buddies, we are the eyes and voices of our ocean.

"I feel happy to see so many captive breeding programme.

scuba divers keen to protect sharks and are well aware of the importance of saving sharks.

"I hope the Fisheries Department will look into (changing) the laws on commercial fishing before it is too late, like what happened to our last rhinoceros."

In November 2019, Malaysia's last known Sumatran rhinoceros, Iman, died after an illness despite efforts to keep her alive for a captive breeding programme.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Petani Perak 'pening', dakwa sayur tak terjual



BAGAN SERAI: Petani mula 'pening' apabila hasil pertanian khususnya sayur-sayuran di negeri ini tidak laku berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, petani mula terkesan seawal hari pertama PKP 3.0 apabila

lambakan seperti timun, cili, pisang dan jagung di ladang serta kebun kecil telah berlaku.

Menurut beliau, lambakan sayur berpunca daripada pemborong yang tidak berani mengambil bekalan berlebihan daripada petani kerana mendakwa dalam tempoh PKP tidak ramai pembeli.

"Kita memang terima aduan daripada petani bahawa hasil pertanian mereka tak dapat dijual malah harga seperti timun turun sehingga 30 sen sekilogram dan keadaan ini sangat membimbangkan.

"Situasi ini akan menyebabkan petani tidak mahu menanam, begitu juga yang lain seperti nelayan tidak turun ke laut sekali gus menyebabkan bekalan makanan berkurangan.

"Bagi petani yang terkesan, kita berharap mereka dapat segera menghubungi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan kita turut bawa perkara ini ke peringkat negeri untuk menyelesaikannya agar pengusaha -pengusaha tanaman tidak terjejas teruk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau sekuriti makanan dan pemantauan harga barang di Pasar Awam Bagan Serai di sini hari ini.

Sementara itu, Razman berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesan penularan penyakit kulit kental (LSD) yang menjangkiti ternakan lembu dan kerbau di negeri ini.

Menurutnya, satu lokasi telah dikenal pasti berlaku penularan penyakit berkenaan yang menjangkiti ternakan lembu di sebuah ladang ternakan di di Simpang Pulai.

Menurutnya, pihak JPV telah menjalankan pemantauan rapi selain memantau semua ladang ternakan yang terdapat di Perak.

"Ladang itu kini di bawah kawalan JPV, sudah pasti tiada sebarang pengeluaran daging dari kawasan itu bagaimanapun di tempat lain turut diadakan pemantauan terhadap jangkitan penyakit tersebut supaya lembu-lembu yang sakit ini tidak dijual di pasaran.

"Tindakan undang-undang boleh diambil kepada pengusaha tidak bertanggungjawab menjual daging lembu ini.

"Namun penyakit LSD tidak berjangkit kepada manusia, hanya berjangkit sesama binatang ternakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Pesawah kecewa padi tiada isi [METROTV]



Teluk Intan: Pesawah warga emas hampa apabila sawah seluas 12 hektar diusahakannya di Kampung Sungai Tukang Sidin, Sungai Manik, di sini, rosak akibat serangan ulat pengorek batang padi (*chilo suppressalis*) atau ulat batang hingga menyebabkannya kerugian RM50,000.

Ahmad Jamri Mohamad, 71, berkata, pada musim kali ini secara keseluruhannya, 95 peratus kawasan sawah terjejas teruk dan tidak boleh mendapat hasil seperti musim sebelumnya.

"Minggu lalu, kami cuba potong padi, tetapi cuma dapat lebih kurang 700 kilogram saja iaitu hasil pendapatan bersih RM500, selebihnya tidak menjadi.

"Selalunya untuk 12 hektar saya boleh memperoleh antara 40 hingga 50 tan semusim, tetapi kali ini hampir keseluruhan padi menjadi padi hampa," katanya yang mengusahakan sawah itu bersama anak dan cucunya.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkannya menanggung kerugian hingga tiada modal untuk memulakan musim baharu bulan hadapan.

Katanya, mereka buntu mahu bayar hutang dan pelbagai kos lain, malah belum ada modal untuk pusingan musim baru.

"Serangan ulat sebelum ini masih boleh dikawal dan hanya menyerang di kelompok tertentu saja, tidak di semua kawasan sawah seperti berlaku ketika ini.

"Kalau padi menjadi, dari jauh sudah lihat kuning dan cantik, tetapi kali ini nampak macam terbakar dan dalam itu kosong, tiada isi dan jadi padi hampa.

"Saya berharap pihak berkaitan dapat membantu kami dan jika berterusan ia akan menyebabkan kami semakin terjejas teruk, malah pesawah lain turut menghadapi masalah sama," katanya yang berpengalaman lebih 50 tahun mengusahakan sawah.



AHMAD Jamri menunjukkan padi hampa akibat serangan ulat batang. FOTO NOOR HIDAYAH TANZIZI.

Pesawah rugi padi diserang ulat batang

Petani habis RM50,000, bendang 12 hektar hanya keluarkan 700kg padi

Oleh Noor Hidayah Tanzi/BH
bhnews@bh.com.my

Teluk Intan: Pesawah di Kampung Sungai Tukang Sidin, Sungai Manik, di sini, kecewa apabila sawah diusahakan mereka musim ini, rosak akibat serangan ulat pengorek batang padi atau ulat batang hingga mereka kerugian besar.

Mereka mendakwa, pendapatan hasil padi kali ini terjejas teruk apabila sawah diusahakan hampir keseluruhannya tidak memberikan hasil, sekali gus menyebabkan penanaman padi

musim baharu sukar kerana ketiadaan modal.

Pesawah, Ahmad Jamri Mohamad, 71, berkata sawah seluas 12 hektar yang diusahakannya antara yang menjadi mangsa serangan ulat batang hingga dia kerugian RM50,000 apabila hampir 95 peratus sawah terjejas teruk dan tidak boleh mendapat hasil seperti musim sebelumnya.

"Minggu lalu kami tuai padi, tetapi cuma dapat kira-kira 700 kilogram dengan pendapatan bersih kira-kira RM500, selebihnya tidak menjadi. Selalunya untuk 12 hektar semusim, saya boleh dapat antara 40 hingga 50 tan, kali ini hampir keseluruhan padi menjadi padi hampa," katanya.

Ahmad Jamri berkata, keadaan itu sekali gus menyebabkan kerugian kerulugian hingga tiada modal untuk memulakan penanaman bagi musim baharu bulan depan, selain terpaksa menanggung

beban hutang dan pelbagai kos lain.

Beliau yang lebih 50 tahun mengusahakan sawah, berkata serangan ulat sebelum ini boleh dikawal dan hanya menyerang kelompok tertentu berbanding sekarang yang memabitkan semua kawasan sawah.

"Padi musim ini nampak seperti terbakar, dalamnya kosong kerana tiada isi dan jadi padi hampa. Saya harap pihak berkaitan dapat membantu kerana jika berterusan, ia akan menyebabkan kami semakin terjejas teruk," katanya.

Nizar Harun, 56, juga mengakui pendapatan hasil padi seluas dua hektar diusahakannya kali ini terjejas teruk, sedangkan kebiasaannya dia memperoleh tujuh tan hasil, tetapi kali ini hanya mampu mendapat 200 kilogram dengan hasil bersih kira-kira RM150.

"Hasil pendapatan itu terlalu sedikit yang digunakan sepenuhnya untuk bayar upah tu-



Ahmad Jamri menunjukkan padi yang rosak akibat serangan ulat batang di Kampung Sungai Tukang Sidin, Sungai Manik, Teluk Intan.

(Foto Noor Hidayah Tanzi/BH)

kang mesin, tetapi masih tidak cukup kerana anggaran upah dua hektar kira-kira RM600. Sebelum ini memang ada masalah ulat batang, tetapi kali ini sangat serius hingga jejasakan hasil keseluruhan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Seberang Perak, Mohd Shafie Mohd Sidek, berkata serangan ulat batang merebak lebih 50 peratus di kawasan IADA Seberang Perak merangkumi Skim Pengairan Sungai Manik dan Ulu Dedap.

Beliau berkata, susulan aduan diterima, pihaknya bersama Jabatan Pertanian sudah memantau dan mengambil tinda-

kan awal terhadap masalah itu seperti melaksanakan pemberian syisihan kawasan dan pemberian racun serangga.

"Antara 70 hingga 80 peratus pesawah di kampung itu alami masalah ini. Antara faktor serangan ulat ini kerana cuaca dan keadaan semak samun, terutama kawasan ada tanaman lain seperti sawit yang boleh menjadi rumah kepada serangga perosak.

"Untuk pesawah yang kerugian, kami sudah bawa kes ini kepada pihak berkaitan termasuk kerajaan negeri untuk bantuan yang boleh disalurkan dan ia masih dalam proses," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Hanya pekerja dengan surat pengesahan kementerian, agensi dibenar lepas SJR mulai Selasa



Acryl Sani berkata surat itu adalah sebagai bukti untuk membenarkan pergerakan pekerja dari kediaman ke tempat kerja. - Gambar fail

KUALA LUMPUR: Polis Diraja Malaysia (PDRM) hanya menerima pakai surat pengesahan daripada enam kementerian dan beberapa agensi tertentu bagi membenarkan pekerja bergerak ke tempat kerja semasa sekatan jalan raya (SJR) yang akan bermula Selasa ini.

Ketua Polis Negara Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata surat itu adalah sebagai bukti untuk membenarkan pergerakan pekerja dari kediaman ke tempat kerja.

"Orang ramai diingatkan agar mengemukakan dokumen yang dikeluarkan oleh kementerian atau agensi yang telah disenaraikan ketika melalui SJR dan mereka yang gagal mengemukakan surat pengesahan atau mengemukakan surat pengesahan palsu akan dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)," menurutnya dalam kenyataan malam ini.

Beliau berkata kementerian terbabit ialah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan serta Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi sektor pengangkutan awam dan barangan keperluan.

Katanya bagi sektor pertanian, perikanan, penternakan, perladangan dan komoditi pula, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) hanya akan mengeluarkan surat pengesahan kepada pekebun kecil manakala bagi yang memiliki lesen di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MITI.

"Bagi pemegang permit dan lesen Lembaga Getah Malaysia (LGM) seperti pekebun kecil, estet, nurseri, peniaga getah, pedagang dan pengilang getah boleh menggunakan surat pengesahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) atau LGM manakala bagi pengilang pembuatan produk getah seperti sarung tangan, surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MITI.

"Semua surat pengesahan yang dikeluarkan oleh agensi yang berada di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan sebagainya akan diterima pakai bagi kebenaran pergerakan," katanya.

Acryl Sani berkata selain itu, surat pengesahan kebenaran pergerakan dikeluarkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi perkhidmatan telekomunikasi, media, pos, kurier serta penyariran.

Beliau berkata bagi sektor institusi kewangan, insurans dan urus niaga saham, surat pengesahan masing-masing akan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) serta Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Katanya pihak berkuasa tempatan (PBT) akan mengeluarkan surat pengesahan untuk sektor peniaga kecil, penjaja gerai makanan dan trak makanan manakala pengeluaran lesen berniaga bagi pengurusan strata, sisa pepejal dan sanitasi, surat pengesahan akan dikeluarkan oleh MITI.

"Dokumen pengesahan ini hendaklah bertarikh 1 Jun 2021 dan pihak yang tiada sebarang dokumen sah atau telah tamat tempoh iaitu sebelum tarikh itu akan diarahkan berpatah balik.

"PDRM juga akan mengeluarkan permit pergerakan bagi mereka yang layak di bawah peraturan rentas sempadan iaitu ziarah kematian, kecemasan dan bekerja sendiri," katanya.

Acryl Sani berkata bagi pekerja sendiri seperti tukang paip, penyelenggara dan penjaja tepi jalan yang tiada majikan, permohonan bergerak hendaklah diperoleh daripada polis secara sekali beri dalam tempoh 1 hingga 14 Jun ini.

Beliau berkata PDRM akan memberikan kebenaran secara sekali beri iaitu bagi tempoh dua hingga tiga hari kepada pekerja di sektor yang tidak dibenarkan beroperasi tetapi perlu ke tempat kerja bagi tujuan khusus seperti penyediaan dokumen, invois pembayaran gaji dan sebagainya namun mereka perlu menyediakan surat pengesahan majikan sebagai bukti.

Katanya bagi pengoperasian firma guaman dengan kakitangan seramai 20 peratus, surat akan dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri melalui MITI manakala pengamal undang-undang yang perlu hadir ke mahkamah untuk mewakili anak guam dalam kes baharu (reman di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah) hendaklah menunjukkan dokumen bercetak atau surat firma guaman di SJR.

Guru bantu PKKI mantapkan kemahiran diri

Oleh **Abnor Hamizam**
Abd Manap
bhpendidikan@bh.com.my

Jempol: Pendidikan bukan hanya di dalam kelas sebaliknya membabitkan murid dalam aktiviti berdasarkan silibus turut menutuskan pemahaman mereka.

Hal itu direalisasikan menerusi pembabitkan 30 murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PKKI) Sekolah Kebangsaan Serting Hilir Kompleks yang mengusahakan tanaman nanas menggunakan polibeg dengan bantuan guru.

Lebih menarik, nanas itu turut dijual kepada penduduk sekitar.

Guru penyelaras PKKI, Haziq Husaini Anuar, berkata tanaman nanas menggunakan polibeg menjadi pilihan kerana ingin mencari kaedah penanaman berbeza biarpun berdepan risiko tanaman tidak menjadi.

Katanya setiap sekolah PKKI perlu mempunyai projek atau produk yang dihasilkan murid bersama guru dengan tujuan memberi pendedahan kepada murid.



Sebahagian tanaman nanas yang dilakukan murid PKKI dengan bantuan guru.



Mangkuk polistren digunakan bagi mengelakkan buah terbakar oleh cahaya matahari dan boleh menyebabkan busuk di projek tanaman nanas PKKI Serting Hilir Kompleks.

"Kami mulakan projek ini sejak Februari tahun lalu dan bersejajar untuk gunakan polibeg. Sebanyak 300 beg digunakan bagi tujuan itu dan bekalan anak benih diperolehi dari penduduk Kampung Jambu Lapan yang turut mengusahakan tanaman serupa," katanya.

Haziq Husaini berkata, semua murid yang terbabit dengan projek berkenaan teruja dan menunjukkan komitmen yang tinggi. Malah mereka hadir ke sekolah lebih awal bagi menyiram tanaman itu selain membaja dan mencabut rumput.

Katanya, aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah ini juga

menimbulkan semangat sekali gus menjadi motivasi kepada mereka untuk belajar.

"Selepas 14 bulan ditanam, nanas sudah boleh dituai dengan setiap mencecah berat melebihi dua kilogram bagi setiap biji.

"Kebanyakan hasil tanaman dijual kepada penduduk," katanya.

Tambah Haziq Husaini, hasil jualan nanas digunakan bagi aktiviti PPKI.

"Tanaman nanas ini memberi impak kepada murid kerana ia meningkatkan kemahiran mereka malah ada yang turut mengaplikasikan teknik serupa dengan menanam nanas di rumah sendiri," katanya.

Coping with the pandemic

Farmers better prepared to face uncertainties this time

By ALLISON LAI
allison@thestar.com.my

PETALING JAYA: Having to contend with the lockdown, a lack of farmhands and now the dry spell, vegetable and fruit farmers are turning to varieties which are easier to grow to stay afloat.

Some have also resorted to reducing the size of their farms, with the enterprising ones offering their produce for sale on online platforms.

Malaysia Federation of Vegetable Farmers Association president Lim Ser Kwee said with demand for vegetables and fruits having gone down over the past year, he had cut his vegetable varieties by about a third.

Based in Simpang Renggam, Johor, Lim said he had cut down his vegetable varieties by 30% to reduce losses.

"I used to grow different types of leafy greens like mustard green, spinach and lettuce.

"Now I focus more on growing corn and pineapple, which are easier to grow and have a longer shelf life. These require fewer farmhands too," he added.

Lim said from 50 foreign workers, he now depended on fewer than 20.

"Farmers are having to compete with other sectors which offer foreign workers higher pay. This is a headache for us," he said.

Lim said compared to last year, farmers were better prepared to face the uncertainties caused by the latest lockdown.

"During MCO 1.0, many were still able to spend and willing to buy from farmers directly and pay for delivery.

"But it is not the same this time, as consumers are cutting down on expenses after battling the pandemic for over a year. They'd rather buy in small quantities," he said.

The federation is the umbrella body of 28 vegetable and fruit farmer associations nationwide with over 10,000 members in total.

Due to weaker purchasing power among consumers, Lim said prices of local vegetables had been fluctuating.

"To cut losses, some farmers have even shrunk their farms by up to half, besides cultivating fewer varieties," he said.

Lim said farmers had also benefited with the experience of going through many changes in the SOP since the start of the pandemic.

"We were caught off-guard last year when MCO 1.0 was announced and ended up heartbroken, with large quantities of produce ending up in the trash because we had no way of sending it to the markets and consumers. We certainly want to avoid this scenario," he said.

To ensure the sustainability of essential supplies, Lim urged the government to consider the condi-

"To cut losses, some farmers have even shrunk their farms by up to half, besides cultivating fewer varieties."

Lim Ser Kwee

tional entry of foreign workers.

"There are many essential sectors in need of foreign workers and agriculture is one of them. In fact, we have a pool of regular workers who are interested to work.

"The government can make it compulsory to test and quarantine them, and we employers are willing to foot the bill," he said.

Meanwhile, Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia (FLFAM) president Tan Chee Hee said the supply of chicken and eggs remained sufficient for now.

"Demand has dropped but the selling price is still stable. This is because we have learned from last year's experience in managing and handling the pandemic," he said.

However, Tan appealed to the government to allow the industry to be allowed to operate as usual, adding that the workforce cap and operating hours limitation would affect production soon.

"Supporting industries such as feedmills, and slaughtering and processing plants are also important. We hope the government will allow us to operate at full strength to provide sufficient food supply," he said.

He said livestock farmers were caught off-guard with the SOP requiring them to slash their workforce and limit operating hours, adding that such requirements were not in place during MCO 1.0.

"We are in an essential industry which is labour intensive. If the government wants us to reduce our workforce, it will certainly affect production.

"We are discussing with the government on this. We really hope the government will look into this issue," he added.

Tan said limiting operating hours from 8am to 8pm was not feasible for the industry.

"Between night and morning, we deliver processed and chilled chicken to the markets. Some companies distribute chicken and eggs across the country," he said.

Tan also said at the poultry farms, physical distancing was maintained as a worker attending to one flock was far from the other worker.



Beating the heat

Farmers are having to put up with the effects of the coronavirus pandemic, the scorching weather and the national lockdown. But instead of laying down their tools, they are turning to more resilient crops among other measures to stay in business.

> See report by ALLISON LAI on P3